

**Bangladesh nafi rakyatnya diberi kewarganegaraan Malaysia, hak undi**  
**The Malaysian Insider**  
**19 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept – Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di sini menafikan laporan media kononnya warga Bangladesh bekerja di negara ini mendapat taraf kewarganegaraan dengan mudah sebagai pertukaran untuk mengundi.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, ia berkata artikel yang disiarkan dua hari lepas adalah tidak berasas, berniat jahat dan rekaan.

Suruhanjaya tersebut berkata laporan dalam portal berita itu adalah "jelas berita palsu", lapor Bernama Online.

Dalam laporan dibawa oleh Keadilan Daily Jumaat lalu, Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Fuziah Salleh mendesak siasatan dibuat terhadap pengakuan Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina Wajed mengenai rakyatnya yang bekerja di Malaysia mudah memperoleh status kewarganegaraan dan layak mengundi.

"Kita desak tubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kenyataan Perdana Menteri Bangladesh berkenaan perkara ini. Jika perkara ini berlaku, Najib perlu bertanggungjawab dan berani tampil memberikan penjelasan," kata Fuziah yang juha Ahli Parlimen Kuantan memetik pengakuan Sheikh Hasina, yang dipetik dari [www.ngoab.gov.bd](http://www.ngoab.gov.bd) - laman rasmi hal ehwal badan bukan kerajaan (NGO) Jabatan Perdana Menteri negara itu.

Maklumat laman itu mendakwa Sheikh Hasina berkata pekerja-pekerja Bangladesh di Malaysia diberi kewarganegaraan dengan mudah asalkan mengundi parti yang mewakili kerajaan pemerintah.

Beliau juga mengesahkan sebilangan pekerja Bangladesh dalam beberapa sektor di Malaysia, diberi taraf kewarganegaraan sejak tahun lalu.

Katanya, mereka juga diberi hak sebagai pengundi dalam pilihan raya umum akan datang.

Dalam reaksinya kelmarin, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan laporan itu sebagai sesuatu yang serius.

"Ini satu dakwaan yang serius. Saya minta rakan-rakan agar membantu menentukan kesahihan kenyataan itu sama ada benar atau tidak," kata beliau.

Laporan itu muncul ketika pembangkang membuat siri dakwaan bahawa rakyat asing yang bekerja di negara ini mudah mendapat taraf kerakyatan dengan syarat mengundi kerajaan Bn dalam pilihan raya umum.

Malah ia juga dikaitkan dengan langkah urusan pemutihan warga asing di negara ini yang berakhir akhir bulan lalu.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menafikan dengan keras dakwaan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bangladesh-nafi-rakyatnya-diberi-warganegara-malaysia-hak-undi/>